

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk dilindungi di bawah pelan takaful berkelompok, yang dikenali sebagai "BIMA Life". Sila pastikan juga membaca terma-terma dan syarat-syarat umum)

Pengendali Takaful	: AmMetLife Takaful Berhad
Sijil	: BIMA Life
Pemegang Sijil Induk	: Milvik Malaysia Sdn Bhd (BIMA)
Peserta	: Orang yang dilindungi di bawah sijil ini

1. Produk ini berkenaan apa?

Ini adalah produk takaful bulanan yang menawarkan perlindungan takaful apabila kematian. Ia membayar jumlah manfaat sekaligus sekiranya Peserta meninggal dunia akibat kemalangan atau selain kemalangan semasa tempoh sijil ini. Langganan akan diperbaharui secara automatik.

Produk ini diuruskan oleh AmMetLife Takaful Bhd (AmMetLife Takaful) yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia. AmMetLife Takaful telah melantik BIMA sebagai ejen tunggal untuk mentadbir produk ini, termasuk langganan, pembatalan, pengurusan tuntutan dan perkhidmatan pelanggan.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

- **Wakalah**
Pelan ini menggunakan konsep wakalah (agensi), di mana semua Peserta melantik AmMetLife Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melaburkan dan menguruskan Dana Risiko Peserta-Peserta (DRP). AmMetLife Takaful berhak menerima fi wakalah untuk menguruskan dan melaburkan dana.
- **Tabarru'**
Pelan ini menggunakan konsep tabarru', di mana semua Peserta bersetuju untuk menderma sebahagian daripada sumbangan dibayar yang telah ditentukan ke dalam DRP untuk tujuan bantuan bersama dan pertolongan kepada semua peserta ketika ditimpa musibah.
- **Qardh**
Pinjaman tanpa faedah daripada AmMetLife Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pinjaman ini akan dibayar semula daripada lebihan yang terhasil dari DRP pada masa hadapan.

3. Apakah pelan/manfaat yang boleh didapati dan berapa yang saya perlu bayar?

Terdapat 4 pelan, seperti berikut. Sumbangan yang anda perlu bayar bergantung kepada pelan yang anda pilih.

PELAN	BIMA 5	BIMA 10	BIMA 15	BIMA 25
Manfaat Kematian	RM20,000	RM40,000	RM60,000	RM100,000
Sumbangan Bulanan	RM5.00	RM10.00	RM15.00	RM25.00

Jadual di atas menunjukkan manfaat yang dibayar sekiranya sumbangan penuh dibayar. Jika hanya sebahagian daripada sumbangan dibayar dalam sebulan, manfaat bagi bulan berikutnya akan mengikut kadar bersamaan dengan sumbangan yang dibayar. Sekiranya tiada bayaran sumbangan dibuat pada bulan tertentu, tiada perlindungan akan diberikan untuk bulan berikutnya.

Contoh – bayaran sumbangan sebahagian.

Anda mempunyai BIMA 5, anda ditolak RM2.50 (50% daripada sumbangan). Ini akan memberi anda perlindungan takaful sebanyak RM10,000 (50% daripada manfaat kematian) pada bulan berikutnya.

Sumbangan anda tidak dijamin, dan kami berhak untuk menyemak semula sumbangan. Kami akan memberitahu anda apa-apa perubahan kepada sumbangan dengan memberikan notis anda sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari.

4. Bagaimanakah pembayaran dikumpulkan?

Bagi pelanggan prabayar, bayaran akan ditolak dari baki prabayar anda mengikut pelan pilihan anda semasa pendaftaran. Anda boleh memilih pembayaran secara harian, mingguan atau bulanan, dan jumlah potongan setiap bulan adalah seperti berikut:

	Harian	Mingguan	Bulanan
Jumlah potongan setiap bulan	20	4	1

Bagi mereka yang membayar melalui saluran pembayaran lain (seperti bil pacabayar, kad kredit, kad debit, akaun simpanan atau e-dompot), pembayaran sumbangan akan dikutip setiap bulan.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

64% daripada jumlah sumbangan bulanan akan dikenakan sebagai fi wakalah. Jumlah ini digunakan untuk membayar perbelanjaan dan kos pengedaran langsung, termasuk komisen yang perlu dibayar kepada ejen.

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- **Pengisytiharan Penting** - Anda mesti menyatakan semua fakta penting seperti yang diperlukan semasa pendaftaran.
- **Kelayakan** - Polisi ini tersedia untuk sesiapa yang telah mengambil bahagian dalam kempen pemasaran yang dianjurkan oleh BIMA dan/atau sekutu atau rakan kongsi dan bersetuju untuk menerima panggilan tele-pemasaran dari BIMA dan yang memegang kad kredit, kad debit, akaun simpanan, e-dompot atau nombor telefon bimbit yang sah berdaftar dengan mana-mana penyedia telekomunikasi di Malaysia dan berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun dan tidak melebihi lima puluh (50) tahun (berdasarkan umur hari lahir terdekat)
- **Permulaan perlindungan takaful** - Perlindungan takaful bulanan anda bermula dari hari pertama bulan yang berikutnya selepas anda membayar sumbangan anda.
- **Pengisytiharan kesihatan** - Anda akan diminta untuk menyempurnakan pengisytiharan kesihatan yang mudah semasa pendaftaran.
- **Tempoh Rujukan Percuma** – Anda berhak membatalkan sijil anda dengan menghubungi BIMA dalam tempoh lima-belas (15) hari atau dalam tempoh lebih lama sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia, dari tarikh penerimaan sijil ini. Sumbangan yang telah dibayar akan dipulangkan kepada anda.
- **Tempoh Menunggu** - Perlindungan untuk kematian akibat selain kemalangan hanya akan bermula setelah tiga puluh (30) hari dari tarikh berkuatkuasa takaful. Namun, bagi kematian akibat kemalangan, perlindungan akan bermula serta merta dari tarikh berkuatkuasa takaful. Ia tidak terpakai untuk pembaharuan perlindungan takaful.
- **Pengecualian** – Kematian yang disebabkan oleh selain kemalangan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh berkuatkuasa takaful. Sekiranya berlaku, tiada manfaat akan dibayar.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil yang terdapat di <http://www.bima.com.my> untuk terma dan syarat lengkap pelan ini.

7. Bilakah sijil saya akan bermula?

Perlindungan takaful bulanan anda bermula dari hari pertama bulan berikutnya selepas anda mendaftar dan membayar langganan anda. Bayaran setiap bulan akan menghasilkan perlindungan takaful untuk bulan berikutnya.

Contohnya, jika anda berdaftar pada 10 Januari dan pembayaran pertama anda dibuat pada 11 Januari, perlindungan takaful anda akan bermula pada 1 Februari. Bayaran pada bulan Februari akan memberi anda perlindungan takaful untuk bulan Mac.

8. Bolehkah saya membatalkan Sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan menghubungi BIMA di 03 20225555 atau menghantar emel ke info@bima.com.my. Sebaik sahaja pembatalan dimulakan, kutipan bayaran akan berhenti serta-merta dan perlindungan akan dikira berdasarkan prorata untuk bulan hadapan.

Tiada nilai penyerahan selepas pembatalan sijil ini. Sekiranya anda membatalkan sijil anda selepas tempoh rujukan percuma, anda tidak akan menerima balik sumbangan yang telah dibayar.

9. Apakah perlu saya buat sekiranya maklumat perhubungan saya telah bertukar?

Adalah penting bagi anda menghubungi BIMA untuk mengemaskini maklumat perhubungan terbaru anda (termasuk penama anda), bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda atau penama tepat pada waktunya. Anda boleh menghubungi BIMA melalui saluran yang disenaraikan dalam soalan 12.

10. Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan?

Anda harus memberitahu BIMA secepat mungkin dengan menghubungi BIMA melalui saluran yang disenaraikan dalam soalan 12.

Tuntutan itu hendaklah dikemukakan kepada BIMA bersama dengan dokumen sokongan dalam masa seratus lapan puluh (180) hari dari kematian Peserta. Dokumen sokongan yang diperlukan termasuk kad pengenalan atau pasport penama dan sijil kematian Peserta. Dokumen sokongan boleh dikemukakan melalui saluran digital.

11. Perlukah saya melantik seorang penama?

Anda dinasihatkan untuk melantik sekurang-kurangnya seorang penama dan pastikan penama tersebut dimaklumkan akan lantikan tersebut bagi memudahkan pembayaran tuntutan yang akan dibayar atas kematian Peserta. Kegagalan untuk membuat penamaan boleh melambatkan bayaran tuntutan tersebut. Penama boleh dilantik dengan memberikan maklumat yang diperlukan kepada BIMA.

Sila rujuk Sijil yang terdapat di www.bima.com.my untuk mendapatkan maklumat tentang cara menamakan seorang penama dan siapa yang layak untuk menuntut jika tiada penamaan dibuat.

12. Di manakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?

Sila rujuk laman web BIMA di www.bima.com.my. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi BIMA di:

Hotline : 03-20225555
WhatsApp : 03-20225900
Laman Web : www.bima.com.my
Emel : info.my@milvik.se
Facebook Messenger : www.facebook.com/BIMA.Msia/

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan, sila rujuk kepada buku takaful info yang boleh didapati di semua cawangan kami atau melayari www.insuranceinfo.com.my.

NOTIS PENTING:

ANDA MESTI MEMILIH JENIS PELAN YANG SESUAI DENGAN KEADAAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Notis penting lain:

1. Anda harus memastikan bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar untuk sijil ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.
2. Anda dinasihatkan untuk mencalonkan seorang penama untuk sijil anda dan memastikan penama menyedari sijil yang anda sertai. Kegagalan untuk membuat penamaan akan menangguhkan pembayaran manfaat takaful kepada penama anda.
3. Perlindungan takaful hanya akan berkuatkuasa dari hari pertama bulan berikutnya selepas anda mendaftar untuk Sijil dan membayar sebahagian daripada sumbangan.
4. Helaian Pendedahan Produk ini bukan satu kontrak Takaful. Penerangan bagi perlindungan yang diliputi hanyalah ringkasan untuk rujukan cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang terpakai dinyatakan di dalam Sijil.
5. Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Sijil ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada sumbangan dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Sijil ini mengenai pembayaran sumbangan dan keingkaran akan turut digunapakai dengan Cukai Berkenaan.

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah pada tarikh Sijil ini dikeluarkan.